PAS PULAU PINANG PERKEMAS DIRI

Oleh ZAINAL A

■ DR. LIM CHONG EU

SIAPA PUN TAK MENDUGA PAS DAPAT MERANGKUL DUA KERUSI DALAM PILIHANRAYA TAHUN 1978 DI KAWASAN PARLIMEN PERMATANG PAUH DAN DEWAN UNDANGAN SUNGAI DUA

KALANGAN UMNO MENYATAKAN KEKALAHAN CALON MEREKA TELAH MEMBERI SATU PENGAJARAN BERGUNA. SATU ANALISA TENTANG PUNCA KEKALAHAN TELAH DIADAKAN



● SUATU pemandangan di Pulau Pinang...bolehkah PAS menjadi pembangkang terbesar di pulau itu?

SEPERTI parti komponen Barisan Nasional dan parti pembangkang lain PAS juga sedang ghairah memperkemas jentera pilihanraya.

Menurut pemerhati politik kehadiran PAS di Pulau Pinang bukan merupakan tentangan yang hebat kepada UMNO atau lebih tegas Barisan Nasional, namun kemampuannya memberi persaingan yang hebat tidak boleh disangkal begitu sahaja.

Siapa pun tidak menduga PAS dapat merangkul dua kerusi dalam pilihanraya umum 1978 lalu di kawasan Parlimen Permatang Pauh dan kawasan Undangan Negeri Sungai Dua.

Kedua-dua kerusi itu dimenangi oleh calon PAS Haji Zabidi bin Haji Ali seorang pengasas PAS yang bersikap sederhana dan disegani.

Kemenangan PAS dalam kubu UMNO sungguh memeranjatkan. Malah menurut pemerhati setengah tokoh PAS sendiri tidak menduganya.

Haji Zabidi dapat menewaskan seorang peguam, Encik Ariffin Haji Daud di kawasan Parlimen dan mengalahkan Hajah Hindun binti Hashim Ketua Wanita UMNO Negeri di kawasan Undangan Sungai Dua.

Kalangan UMNO menyatakan kekalan calon mereka sedikit sebanyak telah memberi satu pengajaran yang berguna.

Satu analisa tentang punca kekalahan itu telah diadakan tetapi tidak diumumkan kepada ramai.

UMNO Bahagian Permatang Pauh dan UMNO Perhubungan Negeri Pulau Pinang menurut pemerhati mempunyai strategi yang terperinci bagi merangkul kembali kedua-dua kerusi yang terlepas itu dan mereka tidak mahu peristiwa kekalahan itu berulang.

Sementara PAS pula difahamkan telah menjadikan kemenangan dua kerusi itu sebagai satu perangsang untuk lebih ghairah mencari tapak di Pulau Pinang.



● HAJI YUSOF RAWA

Sumber PAS yang layak dipercayai berkata, PAS di Pulau Pinang akan mencuba sedapat mungkin meletakkan seberapa banyak calon untuk Dewan Undangan Negeri dan Parlimen.

Menurut sumber itu lagi kemungkinan besar PAS akan meletakkan 17 orang calon dalam pilihanraya di kawasan Undangan Negeri dan paling kurang lima calon di kawasan Parlimen.

Apakah yang mendorongkan PAS di negeri ini meletakkan calonnya sebegitu ramai?

"Kami akan berusaha memenangi kesemua kerusi itu," kata seorang tokoh muda PAS di Seberang Perai.

Ditanya bagaimana PAS yakin menang?

"Kami mempunyai cara tersendiri dalam menghadapi pilihanraya kali ini," Jelasnya.

Jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang 27. Ini bererti PAS sekurang-kurangnya berharap meletakkan calon 63 peratus dari jumlah kerusi tersebut.

Jika PAS berbuat demikian ini bererti pertama kali dalam sejarah perkembangan politik di Pulau Pinang PAS meletakkan calon paling ramai.

Dan ekoran dari ini suasana politik di Pulau Pinang sudah tentu lebih gamat lagi dari pilihanraya tahun 1978. (Kemungkinan ini pun tidak dapat disangkal memandangkan situasi yang membimbangkan antara komponen Parti MCA dan Gerakan yang sering melatah dan berkemungkinan menjadi mangsa jaringan yang dipasang oleh DAP).

Inilah antara beberapa faktor mengapa peminat-peminat politik lebih ghairah menghalakan perhatian mereka ke Pulau Pinang yang sememangnya unik dengan tindak-tanduk berpolitik menjelang pilihanraya.

Apakah benar PAS sanggup meletakkan calon di kawasan Undangan Negeri 17 orang?

Tinjauan saya di kalangan tokoh-tokoh PAS mendapati belum terdapat kepastian yang dibuat mengenai soal pencalonan itu.

Dalam satu wawancara di rumahnya, Timbalan Presiden PAS Haji Yusof Rawa beliau tidak membayangkan keghairahan PAS Pulau Pinang untuk berkuasa apa lagi untuk menawan Pulau Pinang.

Tokoh veteran PAS itu dengan nada yang sederhana menyatakan, "PAS tidak bercadang untuk menguasai Pulau Pinang."

PAS Pulau Pinang, tegas Haji Yusof lagi, berhasrat untuk menjadi sebuah parti pembangkang yang benar-benar dapat memberi sumbangan bakti kepada rakyat di Pulau Pinang. "Kami akan memperjuangkan nasib petani dan nelayan," katanya.

"Memang benar kami berharap akan menjadi sebuah parti pembangkang yang kuat di negeri ini," katanya.

PAS Pulau Pinang, jelasnya lagi, akan berusaha sedapat mungkin untuk menawan beberapa buah kerusi dalam pilihanraya di negeri ini.

"Kami menjangka PAS tidak akan menerima tentangan yang kuat dari parti lawan," katanya.

Haji Yusof memberitahu PAS Pulau Pinang dijangka akan bertanding 13 buah kerusi untuk Dewan Undangan Negeri.

Katanya, "matlamat kami untuk memenangi beberapa buah kerusi di Dewan Undangan Negeri."

Menurutnya lagi hasil congak kira PAS terdapat beberapa buah kerusi yang mempunyai harapan baik.

Haji Yusoff menegaskan tidak timbul sama sekali PAS akan bekerjasama dengan parti-parti pembangkang dalam pilihanraya ini.

"Soal itu tidak pernah dibincangkan oleh parti," tegasnya lagi.

Dalam pilihanraya kali ini, tegasnya, PAS akan meletakkan sebilangan calon-calon dari kalangan intelektual, sebilangan mereka dari beberapa institusi pengajian tinggi Islam.

KERUSI DEWAN UNDANGAN 27 BUAH. PAS BERHARAP MELETAKKAN CALON 60 PERATUS DARI JUMLAH TERSEBUT

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia